

**RAKYAT BOLEH DAPAT DOKUMEN² DAYABUMI,
PROTON SAGA DAN JAMBATAN PULAU PINANG – MAHATHIR**

Tiga projek penting tidak rahsia lagi

UM 14 APR 1987

KUALA LUMPUR 13 April — Dokumen K- dokumen penting mengenai projek Jambatan Pulau Pinang, Proton Saga dan Dayabumi yang menjadi sasaran kempen pemilihan UMNO kini tidak rahsia lagi dan boleh diperolehi oleh sesiapa sahaja yang berminat.

Ini berikutan langkah kerajaan mengeluarkan dokumen - dokumen tersebut daripada senarai rahsia.

Sesiapa sahaja, termasuk media massa, boleh memohon untuk mendapatkan dokumen - dokumen itu daripada menteri - menteri berkenaan.

Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, berkata, kerajaan sanggup berbuat demikian supaya semua orang tahu apa yang sebenarnya berlaku dan siapa yang membuat keputusan mengenai projek - projek tersebut.

Beliau menegaskan kerajaan juga bersedia mendedahkan butir-butir mengenai ketiga-tiga projek tersebut kepada umum jika ada permintaan "dan perlu sebelum 24 April." Berucap merasmikan majlis ulangtahun ke-16 Shamelin di Wisma Belia di sini tengah hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, surat - surat peribadi orang - orang tertentu kepadanya dan minit-minit mesyuarat semasa orang berkenaan masih berada di dalam kerajaan boleh didedahkan jika difikirkan perlu untuk menegaskan kebenaran.

Menurut Perdana Menteri, walaupun rahsia-rahsia kerajaan perlu dijaga, namun rahsia - rahsia tertentu hendaklah didedahkan jika ia dilakukan untuk menyatakan kebenaran kerana ada orang membuat dakwaan dan pembohongan.

"Surat-surat yang ditulis kepada Perdana Menteri dan dicap dengan 'rahsia besar' pun boleh didedahkan kalau penulisnya bercakap lain.

"Rahsia bukan rahsia hingga kiamat dan banyak rahsia akan terdedah selepas jangka masa tertentu," kata beliau.

Menurut Perdana Menteri, dalam urusan mendedahkan ketidakbenaran, rahsia-rahsia terpaksa dibongkarkan, umpamanya apabila Presiden Reagan terlibat dengan pembekalan senjata ke Iran dan Nicaragua, kerajaannya terpaksa mendedahkan rahsia tersebut.

"Begitu juga saya, kalau ada yang saya buat salah, boleh kita dedahkan," tegas beliau.

Bercakap kepada para pemberita kemudian, beliau mengulangi bahawa di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA), menteri - menteri dan pegawai -

Tiga projek penting tidak rahsia lagi

pegawai kerajaan boleh mengecualikan sesuatu perkara dari takrif 'rahsia' jika difikirkan patut berbuat demikian.

Ditanya apakah kenyataan beliau itu dibuat kerana keadaan menjelang pemilihan UMNO sudah menjadi tegang, katanya: "Bukan kerana keadaan sudah tegang tapi untuk penjelasan supaya semua orang tahu yang sebenar umpamanya bagi projek Dayabumi siapa sebenarnya membuat keputusan.

"Ataupun projek Jambatan Pulau Pinang, siapa buat keputusan. Semua ini ada di dalam minit-minit mesyuarat kabinet dan Majlis Tindakan Negara (MTN)."

Katanya, kalau ada orang yang memberi maklumat yang salah, maka dengan mendedahkannya kerajaan dapat membetulkannya dengan mengecualikan projek - projek itu dari senarai 'rahsia'.

Ditanya apakah kesediaan beliau untuk mendedahkan rahsia tersebut kerana ada dakwaan - dakwaan menjelang pemilihan, Perdana Menteri berkata: "Ada orang kata ini (keputusan mengenai projek - projek tersebut) dibuat oleh saya.

"Saya boleh mendedahkannya kalau orang meminta sebab kita sudahpun menarik balik pengtakrifan 'rahsia' dari projek - projek tersebut." Apabila didesak bila dan kepada siapa kerajaan akan mendedahkan butir-butir mengenai ketiga-tiga projek berkenaan, beliau berkata perkara itu mungkin akan diumumkan melalui akhbar dan kalau perlu sebelum 24 April ini. Menurutnya, kerajaan akan memaklumkan kepada akhbar bila perkara berkenaan akan didedahkan.

Menjawab satu pertanyaan beliau berkata perkara itu bukan lagi merupakan soal kabinet kerana undang - undang membolehkan menteri - menteri termasuk

Perdana Menteri mengecualikan takrif 'rahsia' kepada sesuatu yang dianggap rahsia. Dalam ucapannya, Perdana Menteri juga menyentuh mengenai cerita - cerita yang didengarinya semasa kempen pemilihan UMNO kononnya orang - orang tertentu akan digugurkan sekiranya kumpulan yang satu lagi menang.

"Saya juga terdengar cerita ada orang - orang tertentu membuat ugutan jika pemilihan ini menentukan kepimpinan baru, mereka akan mengadakan pilihanraya baru supaya ahli-ahli Parlimen yang tidak bersetuju dengan mereka digantikan.

"Mereka ini akan digantikan dengan yang berbulu musang." "Sama ada ia serius atau taktik kempen, saya tidak tahu. Itu yang saya dengar," terang beliau.

Mengenai sokongan menteri - menteri dan timbalan menteri yang sudah berbelah bagi, beliau berkata dakwaan yang menyatakan hampir separuh sudah menyertai kumpulan Tengku Razaleigh adalah tidak benar kerana hanya empat dan lima orang menteri sahaja yang terlibat. Mengenai kedudukan beliau sebagai Perdana Menteri jika beliau hanya memperolehi sedikit sahaja kelebihan undi, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata dari segi teknik, seseorang Perdana Menteri boleh membuat keputusan sendiri sama ada mahu meletakkan jawatan atau terus memimpin.

Bagaimanapun beliau menambah, kalau pihak berkenaan tidak mahu meletakkan jawatan tetapi pihak lain pula mahu beliau berbuat demikian, maka mereka boleh mengusulkan undi tidak percaya di Dewan Rakyat dan Yang di-Pertuan Agong akan memanggil orang yang mendapat kepercayaan majoriti untuk

dilantik.

Ditanya apakah dakwaan seorang menteri yang tidak mempunyai bukti mengenai sogokan \$10,000 menjelang pemilihan akan menjejaskan kepimpinan beliau, katanya, perkara itu terserah kepada jawatankuasa etika menentukan.

"Barang kali menteri berkenaan mendapat maklumat. Ramai orang membuat dakwaan atas maklumat yang diterima tetapi ini tidak bermakna orang yang membuat tuduhan bertujuan melulu," kata Datuk Sri Dr. Mahathir.

Perdana Menteri juga berkata beliau tidak tahu sama ada menteri - menteri yang meminta cuti akan juga bersara selepas tempoh cuti mereka habis. "Saya tak tahu. Mereka cuti, saya bagi," katanya.

Menjelaskan salah faham mengenai kebenaran kepada Datuk Musa menemui para perwakilan di Negeri Kedah, beliau berkata dakwaan yang menyatakan UMNO Kedah menyekat beliau adalah tidak benar.

"Saya telah bertanya kepada Datuk (Paduka) Osman Aroff dan beliau berkata pada masa tersebut, iaitu 10 April, ramai ahli Parlimen dan wakil-wakil UMNO Kedah pergi ke Ipoh untuk menghadiri pembukaan Rumah UMNO.

"Kalau (Datuk) Musa nak pergi, tidak jadi masalah," jelas beliau.

Beliau juga menjelaskan bahawa para pemerhati di Perhimpunan Agung UMNO kali ini akan ditempatkan di Stadium Negara kerana ruang di Kompleks UMNO tidak mencukupi.